

28 OCT 2003

GPMS-PM

GPMS UCAP TERIMA KASIH KEPADA DR MAHATHIR

KUALA TERENGGANU, 28 Okt (Bernama) -- Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS) yang mewakili 450,000 anggota di seluruh negara mengucapkan terima kasih dan penghargaan kepada Datuk Seri Dr Mahathir

Mohamad, yang akan bersara Jumaat ini.

Setiausaha Agung GPMS, Syed Anuar Syed Mohamad berkata, gabungan itu bangga sepanjang 22 tahun beliau menjawat jawatan Perdana Menteri, dengan pelbagai perubahan dilaksanakan demi mengangkat martabat bangsa Malaysia ke mercu kegemilangan khasnya yang berkaitan dengan kecemerlangan pendidikan bangsa.

Katanya pelaksanaan Dasar Meritokrasi dan penggunaan bahasa Inggeris dalam mata pelajaran Matematik dan Sains (SMI) terbukti berjaya walaupun pada mulanya ia mendapat kritikan hebat daripada mereka yang tidak faham pentingnya perkara itu.

"GPMS yakin dan percaya, pelaksanaan SMI sepertimana pelaksanaan dasar-dasar lain yang diperkenalkan oleh beliau akan membuahkan hasil walaupun ketika itu Dr Mahathir bukan lagi menjadi Perdana Menteri," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Katanya amanat dan amanah terakhir beliau yang ingin melihat perpaduan terus dipupuk dengan memperkasakan sekolah kebangsaan dan sekolah wawasan akan terus diperjuangkan GPMS di bawah Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

"GPMS yakin dan percaya sewaktu kanak-kanaklah pemupukan perpaduan ini harus disemai dan Sekolah Wawasan merupakan formula terbaik untuk tujuan itu," katanya.

Syed Anuar berkata GPMS merasa bangga dengan komitmen Dr Mahathir selaku penaung GPMS, yang tidak pernah melupakan gabungan itu walaupun sibuk mentadbir negara.

Beliau bersama Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali yang juga pengasas GPMS sentiasa memberikan nasihat dan tunjuk ajar dalam suasana kekeluargaan

apabila setiap kali pimpinan GPMS bertemu.

GPMS akan menyimpan kenangan tersebut dalam sejarah perjuangan gabungan

itu untuk tatapan dan ingatan generasi akan datang, katanya.

-- BERNAMA

TAJ ERE BK